



PERNYATAAN POLISI ANTIRASUAH

SPPP mensasarkan ke arah sifar rasuah dalam sistem pengurusan perkhidmatan, penyelewengan dan salah guna kuasa melalui penerapan budaya kerja berkualiti secara berterusan selaras dengan pelaksanaan MS ISO 37001:2016.

SPPP komited untuk: -

- i) Mematuhi peruntukan di bawah Akta Suruhanjaya Pencegahan Rasuah Malaysia 2009 dan Undang - Undang Iain yang berkaitan, Peraturan, Polisi dan Prosedur yang digunakan dalam melaksanakan tugas;
- ii) Membentuk persekitaran kerja yang telus, berintegriti dan bebas rasuah;
- iii) Memantapkan tadbir urus terbaik dan meningkatkan kualiti penyampaian perkhidmatan;
- iv) Menerapkan nilai-nilai murni dan membudayakan integriti warga kerja dalam organisasi;
- v) Mengurangkan risiko rasuah, penyelewengan dan salah guna kuasa secara berkesan.

Pernyataan Antirasuah ini adalah terpakai kepada semua warga SPPP. Anggota yang melakukan jenayah rasuah akan berdepan dengan tindakan sepertimana yang digariskan dalam Polis Antirasuah SPPP.

SPPP komited kepada nilai-nilai ketelusan, integriti, kesaksamaan dan kebertanggungjawaban dalam mengendalikan urusan rasminya. Kesalahan seperti penyelewengan, penipuan, rasuah, kesalahan kewangan yang serius dan kesilapan pengurusan yang melampau perlu dilaporkan mengikut mekanisme dalaman.

SPPP telah mewujudkan Saluran Pendedahan Maklumat (Whistle Blowing) bagi membolehkan penjawat awam (bukan warga SPPP) dan orang awam ('Pemberi Maklumat') untuk membuat pendedahan mengenai mana-mana salah laku dari peringkat awal kepada seseorang yang telah dilantik oleh SPPP ('Pegawai Yang Dilantik') tanpa rasa gentar terhadap sebarang tindakbalas agar masalah dapat ditangani dengan efektif dan segera.

Pendedahan maklumat Whistle Blowing boleh dibuat secara bertulis dan dihantar sama ada dengan tangan, pos atau emel di alamat seperti berikut: -

**Pengerusi Jawatankuasa Audit SPPP / Pegawai Integriti
Aras 2, Swettenham Pier Cruise Terminal,
No. 1A, Jalan Pesara King Edward,
10300 Georgetown, Pulau Pinang**

Setiap aduan yang diterima melalui saluran ini adalah SULIT dan akan disiasat dengan telus dan adil.

**Monaliza binti Suhaimi
Pengurus Besar
Suruhanjaya Pelabuhan Pulau Pinang**